



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA
DAN HARI KONSERVASI EKOSISTEM HUTAN PAYA LAUT ANTARABANGSA
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018**

**HUTAN SIMPAN KUALA BERNAM, DAERAH SABAK BERNAM,
SELANGOR DARUL EHSAN**

7 OKTOBER 2018

YB Dr. Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli telah merasmikan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa dan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2018 bertempat di Hutan Simpan Kuala Bernam, Daerah Sabak Bernam pada hari ini.

Turut hadir ialah Amb. Maria Castillo Fernandez, Duta dan Ketua Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia; YBM Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji, Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, YB Hee Loy Sian, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi & Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna mewakili Menteri Besar Selangor; YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, YB Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, Setiausaha Kerajaan Negeri dan YBhg. Dato' Nor Akhrrudin bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Negeri Selangor dipilih sebagai tuan rumah bagi kedua-dua sambutan ini dengan tema sambutan adalah "**Hutan untuk Kesejahteraan Masyarakat (*Forests for Community Livelihood*)**."

Pengisytiharan Hari Perhutanan Sedunia telah dipersetujui oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) pada 21 Mac setiap tahun. Tarikh 21 Mac ini dipilih kerana ia merupakan hari pertama bermulanya musim bunga di Hemisfera Utara di mana pokok-pokok mula bertunas semula dan menghidu setelah melalui tempoh dorman sepanjang musim sejuk.

Sambutan Hari Perhutanan Sedunia pertama di Malaysia ialah pada tahun 1984 bertempat di Negeri Kedah. Bermula pada tahun 2013, Hari Perhutanan Sedunia dikenali sebagai Hari Hutan Antarabangsa (*International Day of Forests*). Perubahan nama ini adalah selaras dengan resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations General Assembly) pada bulan November 2012. Malaysia telah menyambut Hari Hutan Antarabangsa yang pertama pada tahun 2013 di Negeri Pahang Darul Makmur. Sementara itu, Sesi Ke-38 Persidangan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO) pada 6 November 2015 di Paris telah mengisytiharkan 26 Julai setiap tahun sebagai Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa.

Pengisytiharan sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa bertujuan meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk memelihara dan memulihara ekosistem hutan paya laut termasuklah kawasan pesisiran pantai bagi memastikan kelangsungan peranan serta sumbangannya kepada kesejahteraan masyarakat sejagat. Malaysia telah menyambut Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa pertama kalinya di Hutan Eko-Pelajaran Kuala Sepetang, Matang, Taiping, Perak pada 18 Ogos 2016.

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan semasa majlis perasmian termasuklah **pelancaran sistem e-PESISIR**. Aplikasi web-GIS ini dibangunkan bagi memudahkan perancangan, pemantauan dan penyimpanan rekod bagi kawasan-kawasan yang telah dipulihkan di dalam projek pesisiran pantai. Aplikasi ini dibangunkan dengan kerjasama Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) yang mencakupi tapak-tapak projek di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Sejumlah 5,000 pokok spesies hutan paya laut turut ditanam sempena sambutan pada kali ini. Antara pokok yang akan ditanam adalah Api-api Jambu (*Avicennia marina*), Perepat (*Sonneratia alba*), Lenggadai (*Bruguiera parviflora*), Bakau Minyak (*Rhizophora apiculata*) dan Bakau Kurap (*Rhizophora mucronata*). Turut diadakan ialah pengagihan 500 anak pokok spesies nadir seperti Asam Gelugor dan Jambu Bol kepada penduduk kampung di sekitar Sungai. Hj. Dorani.



Dr Xavier Jayakumar, Menteri Air Tanah dan Sumber Asli memukul gong sebagai tanda perasmian majlis sambil diperhatikan Maria Castillo Fernandez, Duta dan Ketua Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia; Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji, Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, dan Dato' Nor Akhirrudin bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.



Dif-dif kehormat serta seramai lebih kurang 2000 orang peserta daripada pelbagai agensi Kerajaan dan NGO turut menanam pelbagai spesis pokok paya laut sebagai salah satu aktiviti sempena perasmian majlis Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2018

Makluman tambahan mengenai Hutan Simpan Kuala Bernam

Kawasan Hutan Simpan Kuala Bernam adalah kawasan hutan paya laut yang mempunyai keluasan keseluruhan 846.50 hektar dan ianya telah diwartakan sebagai kawasan Hutan Simpanan Kekal pada 19 Disember 1940. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia menerusi Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah melaksanakan aktiviti restorasi bagi memulihkan vegetasi hutan paya laut khususnya di pantai Kampung Sg. Hj. Dorani bermula tahun 2007 menerusi kaedah inovatif geotub. Pemasangan geotub sepanjang 200 meter di sepanjang kawasan pantai Kampung Sg. Hj. Dorani telah dilaksanakan.

Kaedah inovatif dan fungsi geotube/pillow tube digunapakai oleh Perwira Bintang Holdings Sdn Bhd ini memulihkan secara semulajadi kawasan persisiran pantai yang mengalami hakisan.

Melalui kaedah ini, penimbunan tanah dilakukan secara semulajadi melalui kejadian pasang surut laut. Selepas kawasan tersebut berjaya ditimbun, ia bukan sahaja dapat memulihkan kawasan yang terhakis sebelum ini, bahkan menjadi tapak yang sesuai bagi pembiakan dan pertumbuhan pokok-pokok paya laut dengan mudah secara semula jadi dan dalam skil yang besar.

Keistimewaan kaedah ini ia dapat memulihkan kawasan paya laut dengan pesat dan dalam jangkamasa yang singkat tanpa perlu melibatkan aktiviti penanaman semula dan penyelenggaraan. Pemulihan kawasan tersebut bukan sahaja memulihkan semula kawasan yang terkesan akibat hakisan pantai bahkan mampu menjadi zon penampakan keselamatan bagi penduduk yang tinggal di sepanjang garis pantai serta mengembalikan semula kekayaan flora dan fauna di kawasan hutan paya laut tersebut.

Program ini telah berjaya menghutankan semula kawasan lapang dan dijadikan model untuk pemulihan hutan bakau di persisiran pantai yang berisiko tinggi.

Beberapa agensi telah terlibat dalam aktiviti restorasi ini antaranya adalah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM).